



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum**

**SEJARAH
TAHUN 6**

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dijajarkan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang dijajarkan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR serta ditambah baik daripada dokumen penajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang dijajarkan.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD
Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tajuk		Standard Pembelajaran				
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
10.0	NEGARA MALAYSIA	<p>10.1 Pembentukan Malaysia</p> <p>10.1.1 Menghuraikan sebab-sebab pembentukan Malaysia.</p> <p>10.1.2 Menjelaskan tokoh-tokoh yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.</p> <p>10.1.3 Menyatakan negeri-negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.</p> <p>10.1.4 Menerangkan langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia.</p> <p>10.2 Negeri-Negeri di Malaysia</p> <p>10.2.1 Menghuraikan asal usul nama negeri.</p> <p>10.2.2 Menyenaraikan ibu negeri dan bandar diraja.</p> <p>10.2.3 Menjelaskan bendera, lagu dan jata sebagai lambang negeri.</p> <p>10.2.4 Menerangkan gelaran ketua negeri bagi negeri-negeri di Malaysia.</p> <p>10.2.5 Menghuraikan keunikan warisan sejarah negeri-negeri di Malaysia.</p>	<p>10.1</p> <p>K10.1.5</p> <p>K10.1.6</p> <p>K10.1.7</p> <p>10.2</p> <p>K10.2.6</p> <p>K10.2.7</p> <p>K10.2.8</p>	<p>Pembentukan Malaysia</p> <p>Merumuskan kepentingan permuafakatan dalam pembentukan Malaysia.</p> <p>Membincangkan iktibar daripada kejayaan pembentukan Malaysia.</p> <p>Menyatakan perasaan bangga terhadap pembentukan Malaysia</p> <p>Negeri-Negeri di Malaysia</p> <p>Menyatakan kepentingan menghormati identiti negeri.</p> <p>Menyatakan kepentingan taat setia kepada ketua negeri.</p> <p>Menunjukkan rasa bangga terhadap warisan negeri-negeri di Malaysia.</p>		

Tajuk	Standard Pembelajaran				
	Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
		10.3 Rukun Negara 10.3.1 Menyatakan usaha pemupukan perpaduan sejak kemerdekaan negara. 10.3.2 Menghuraikan sebab pengenalan Rukun Negara. 10.3.3 Menyatakan lima prinsip Rukun Negara. 10.3.4 Menjelaskan peranan Rukun Negara dalam kehidupan.	10.3 Rukun Negara K10.3.5 K10.3.6 K10.3.7	Rukun Negara Menyatakan kepentingan penghayatan Rukun Negara. Menilai kepentingan Rukun Negara dalam membentuk jati diri rakyat Malaysia. Menghubung kait prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian.	
11.0	KITA RAKYAT MALAYSIA	11.1 Kaum dan Etnik di Malaysia 11.1.1 Menghuraikan pelbagai kaum dan etnik di Malaysia. 11.1.2 Menjelaskan petempatan serta kegiatan ekonomi masyarakat Malaysia dahulu dan kini. 11.1.3 Menerangkan alat muzik dan tarian tradisional dalam kehidupan masyarakat. 11.1.4 Menjelaskan permainan tradisional masyarakat Malaysia. 11.1.5 Menghuraikan cerita rakyat berunsur tempatan dalam masyarakat Malaysia	11.1 K11.1.6 K11.1.7 K11.1.8	Kaum dan Etnik di Malaysia Menghubung kait kepentingan menghormati kepelbagaian kaum dan etnik sebagai asas perpaduan negara. Menilai kepentingan menghargai keunikan warisan kesenian tradisional masyarakat Malaysia. Menunjukkan kebanggaan berkongsi kesenian tradisional rakyat Malaysia.	

Tajuk	Standard Pembelajaran			
	Kandungan Asas		Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	11.2 Agama dan Kepercayaan 11.2.1 Menyatakan pelbagai agama dan kepercayaan masyarakat Malaysia. 11.2.2 Menjelaskan kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan. 11.2.3 Menjelaskan kedudukan agama lain dalam Perlembagaan. 11.2.4 Menyenaraikan rumah-rumah ibadat di Malaysia. 11.3 Perayaan Masyarakat Malaysia 11.3.1 Menyatakan perayaan masyarakat di Malaysia. 11.3.2 Menjelaskan tujuan sambutan perayaan di Malaysia. 11.3.3 Membandingkan amalan sambutan perayaan dahulu dan kini. 11.3.4 Menghuraikan keunikan sambutan perayaan dalam kalangan masyarakat Malaysia.	11.2 K11.2.5 K11.2.6 K11.2.7	Agama dan Kepercayaan Menyatakan keperluan memahami adab ketika berada di rumah ibadat. Menghubung kait kepentingan amalan beragama dan kepercayaan dalam kehidupan. Menilai kepentingan menghormati kepelbagaian agama bagi mewujudkan keharmonian. Perayaan Masyarakat Malaysia Menilai kepentingan sambutan perayaan dalam keluarga. Menjelaskan kepentingan menghormati kepelbagaian amalan dan sambutan perayaan di Malaysia. Merumus kepentingan menghargai warisan perayaan masyarakat Malaysia.	

Tajuk	Standard Pembelajaran				
	Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
12.0 PENCAPAIAN DAN KEBANGGAAN NEGARA	12.1 Sukan Kebanggaan Negara 12.1.1 Membincangkan peranan sukan sebagai alat perpaduan dan keharmonian kaum. 12.1.2 Menyatakan pencapaian Malaysia dalam bidang sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. 12.1.3 Menjelaskan peranan Malaysia dalam penganjuran sukan antarabangsa. 12.1.4 Menghubung kait tokoh-tokoh sukan negara terdahulu yang menjadi inspirasi kepada sukan masa kini. 12.2 Kemajuan Ekonomi 12.2.1 Menyenaraikan kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada kemajuan negara. 12.2.2 Menyatakan sumbangan pertanian komersial kepada negara. 12.2.3 Menerangkan sumbangan industri automotif dan petroleum kepada ekonomi negara. 12.2.4 Menyatakan sumbangan sektor pelancongan kepada kemakmuran negara.	12.1 K12.1.5 K12.1.6 K12.1.7	Sukan Kebanggaan Negara Menjelaskan kepentingan penglibatan pelbagai kaum mengharumkan nama negara dalam bidang sukan. Menilai kepentingan sukan kepada pembangunan negara. Menyatakan kepentingan ciri-ciri kepimpinan dalam sukan. Kemajuan Ekonomi K12.2.5 K12.2.6 K12.2.7	Sukan Kebanggaan Negara Menjelaskan kepentingan penglibatan pelbagai kaum mengharumkan nama negara dalam bidang sukan. Menilai kepentingan sukan kepada pembangunan negara. Menyatakan kepentingan ciri-ciri kepimpinan dalam sukan. Kemajuan Ekonomi Membincangkan kepentingan mengekalkan keamanan negara yang menjadi asas kepada pembangunan ekonomi. Menjelaskan kepentingan menghargai alam sekitar yang menyumbang kepada kemakmuran ekonomi. Menunjukkan kebanggaan terhadap barang buatan Malaysia.	

Tajuk	Standard Pembelajaran			
	Kandungan Asas		Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
	<p>12.3 Pemimpin Negara</p> <p>12.3.1 Menyatakan sejarah kewujudan jawatan Perdana Menteri.</p> <p>12.3.2 Menjelaskan bidang tugas Perdana Menteri</p> <p>12.3.3 Menyenaraikan nama dan biodata ringkas Perdana Menteri Malaysia.</p> <p>12.3.4 Menerangkan sumbangan Perdana Menteri kepada negara.</p> <p>12.4 Malaysia dan Dunia</p> <p>12.4.1 Menyatakan pertubuhan serantau dan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia.</p> <p>12.4.2 Menerangkan penglibatan Malaysia dalam ASEAN.</p> <p>12.4.3 Menjelaskan penyertaan Malaysia dalam Komanwel dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).</p> <p>12.4.4 Menerangkan sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).</p>	<p>12.3</p> <p>K12.3.5</p> <p>12.3.6</p> <p>K12.3.7</p> <p>12.4</p> <p>K12.4.5</p> <p>K12.4.6</p> <p>K12.4.7</p>	<p>Pemimpin Negara</p> <p>Menilai ciri-ciri kepemimpinan berwibawa yang menjadi kebanggaan masyarakat.</p> <p>Menyatakan penghargaan terhadap Perdana Menteri.</p> <p>Menjelaskan kepentingan sokongan rakyat terhadap kepemimpinan negara.</p> <p>Malaysia dan Dunia</p> <p>Menyatakan kepentingan menjalinkan hubungan baik dengan negara luar.</p> <p>Menilai kepentingan sumbangan Malaysia kepada keamanan dunia.</p> <p>Menunjukkan rasa bangga terhadap pengiktirafan negara luar kepada negara kita.</p>	

Tajuk	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
Kajian Kes (2 Jam) Berdasarkan SK dan SP yang dipilih			
Cadangan untuk pelaksanaan kurikulum dengan masa minimum 32 jam:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru disarankan untuk memberikan penerangan ringkas berkaitan <i>overview/ big picture</i> keseluruhan kandungan kurikulum Sejarah Tahun 4 dan 5 sebagai <i>brainstorming session</i> kemudian diikuti dengan penerangan ringkas berkaitan <i>overview/ big picture</i> keseluruhan kandungan kurikulum Sejarah Tahun 6 bagi membantu murid menguasai kronologi peristiwa sejarah negara yang akan dipelajari pada tahun semasa. <i>Powerpoint</i> berkaitan <i>overview/ big picture</i> boleh dimuat turun dari laman sesawang BPK mulai Januari 2021. 2. SK 10.1, SK 10.3 dan SK 12.3 perlu diajar mengikut kronologi supaya murid mendapat gambaran keseluruhan serta kesinambungan peristiwa difahami dengan jelas oleh murid. Cadangan peruntukan waktu 1-2 minggu (1-2 jam) bagi setiap SK. 3. SK 11.1, SK 11.2 dan SK 11.3 serta SK 12.1 dan SK 12.2 diajarkan sekali supaya murid mendapat gambaran keseluruhan (<i>Big Picture</i>) berkaitan tajuk yang sedang dipelajari dan mempelbagaikan kaedah pelaksanaan PdP (Pembelajaran Teradun: Pendekatan Modular, Pembelajaran Akses Kendiri, TMK dan lain-lain). 4. SK dan SP di atas juga boleh dipilih untuk dijadikan tajuk Kajian Kes (<i>Project Based Learning</i>) untuk mengaplikasikan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) serta Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik (SP yang ditandai dengan K). 5. Guru dicadangkan mengajar SK 10.2 dan SK 12.4 secara berasingan bagi membantu murid meningkatkan pemahaman murid serta mengelak kekeliruan. 6. Guru dicadangan untuk melaksanakan Kajian Kes serentak dengan SK/ SP yang diajar untuk mempelbagaikan kaedah pelaksanaan PdP dan memendekkan masa pelaksanaan PdP bagi SK/ SP yang sedang diajar. 			
<p>*Guru boleh menambah baik pelaksanaan kurikulum KSSR Sejarah Tahun 6 yang dicadangkan mengikut aras kebolehan dan tahap keupayaan murid berdasarkan keadaan/ situasi/ isu yang dihadapi di peringkat sekolah.</p>			

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**